

BIL. DUN/PP/290.

MESYUARAT YANG PERTAMA BAGI PENGGAL YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI, PULAU PINANG, YANG KEEMPAT
YANG DIADAKAN PADA HARI ISNIN, 31HB. MEI, 1976,
JAM 9.30 PAGI DI DEWAN UNDANGAN NEGERI, LEBUH LIGHT,
PULAU PINANG.

SUSUNAN URUSAN MESYUARAT

1. Doa.
2. Bertafakur selama dua minit sebagai satu Tanda Penghormatan bagi Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein, bekas Perdana Menteri Malaysia.
3. Ucapan oleh Tuan Yang Terutama Gabnor.
4. Membentangkan Risalat-Risalat.

Bil. 1 tahun 1976 — Lapuran Lembaga Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir pada 31.12.1974.

Bil. 2 tahun 1976 — Lapuran Lembaga Biasiswa Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31.12.1974.

Bil. 3 tahun 1976 — Lapuran Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi tahun 1971.

Bil. 4 tahun 1976 — Lapuran Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi tahun 1972.

Bil. 5 tahun 1976 — Lapuran Tahunan Lembaga Muzium Pulau Pinang bagi tahun 1974.

Bil. 6 tahun 1976 — Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1973.

Bil. 7 tahun 1976 — Lapuran Juru Odit Negara, Malaysia mengenai kira-kira Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31hb. Disember, 1973.

Bil. 8 tahun 1976 — Anggaran Pembangunan Tambahan Yang Kedua, 1975.

5. Soalan-Soalan:

(A) (Soalan-Soalan Mulut)

(I) Y.B. Encik Wong Choong Woh bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. Penduduk-penduduk di Jelutong Timur dan Barat sangat memerlukan sebuah Balai Rakyat. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan samada Kerajaan akan menimbangkan permintaan mereka. Jika tidak, mengapa?
- 2.(a) Bagaimanakah keadaan rancangan perumahan murah di Kampong Nyak Puteh pada masa sekarang? Adakah Kerajaan memberi perhatian yang cukup teliti terhadap projek ini? Adakah projek ini sedang dalam perlaksanaan?
- (b) Sekiranya projek ini sedang dalam perlaksanaan buat masa sekarang apakah peringkat projek ini?
- (c) Bagaimanakah bentuk rancangan-rancangan perumahan murah itu? Adakah ia menyerupai seakan-seakan rancangan-rancangan perumahan di Kampong Selut?
- (d) Adakah Kerajaan bertujuan untuk membeli tanah bagi rancangan ini dengan seberapa segera yang boleh?
3. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan apakah yang telah dilaksanakan sejak Mesyuarat Dewan pada 23hb. Oktober, 1974 berkaitan dengan masalah-masalah rumah-rumah haram dan keadaan kebanyakan jalan-jalan yang rosak di bandaraya dan juga di kawasan-kawasan luar bandar di Pulau Pinang? Sudahkah pihak-pihak berkuasa yang berkenaan diarah supaya mengambil tindakan yang sewajarnya?

(II) Y.B. Encik Oh Teck Aun bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. Berapakah perbelanjaan bagi lawatan pasukan Australia ke Minggu Adelaide di Pulau Pinang pada bulan Disember, 1975? Siapakah pihak-pihak yang menanggung perbelanjaan? Sila beri satu huraian.
2. Adakah Kerajaan bertujuan untuk menjadikan Minggu Adelaide dan Minggu Pulau Pinang sebagai acara tahunan?
3. Memandangkan kepada kos-kos yang meningkat bagi Projek Pusat Bandaraya, adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk menyingkirkan beberapa projek-projek?
4. Bilakah peringkat 1-A Projek Pusat Bandaraya akan disiapkan?
5. Sejak Mesyuarat Dewan yang lalu, adakah Kerajaan menyediakan apa-apa pelan untuk membina rumah-rumah murah di Pulau Pinang dan Seberang Perai? Jika ada, sila beri butir-butir.
6. Adakah Kerajaan bertujuan untuk menjual semua Rumah-Rumah Pangsa kepada penghuni-penghuni di Pulau Pinang?

(iii)

7. Sudahkah pembinaan rumah-rumah oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di Bayan Lepas dan Bagan Serai disiapkan?
8. Adakah hakmilik berkaitan dengan rumah-rumah yang dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di Bayan Lepas dan Bagan Serai bercorak pegangan bebas (free-hold) atau pajakan (lease-hold)?
9. Bolehkah Ketua Menteri mengarahkan Pengerusi Kedua-dua Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan di Pulau Pinang dan Seberang Perai supaya membuka mesyuarat-mesyuarat mereka kepada pihak akhbar dan orangramai mengikut Ordinan Perbandaran?
10. Adakah Kerajaan sedar bahawa senarai Penaksiran Tahun 1976 bagi Pulau Pinang belum lagi disahkan?
11. Sudahkah Kerajaan mencapai perbincangan muktamad bersama-sama dengan Indonesia tentang kemungkinannya mengadakan restoran-restoran terapong (Floating Restaurant) di Pulau Pinang dan Lake Toba?
12. Sudahkah Kerajaan menyediakan anggaran bagi pembinaan dua batang jambatan 'open span' bagi menggantikan pembedong-pembedong (culvert bridges) yang sedia ada di Sungai Ara dan Sungei Rawa di Jalan Muthupalaniappa, Bukit Mertajam?
13. Bagaimanakah kemajuan berkaitan dengan pengeluaran hakmilik bagi rumah-rumah murah di Taman Sentosa di Bukit Mertajam?

(III) Y.B. Encik Ong Yi How bertanya kepada Ketua Menteri:—

1. Berapakah jumlah (a) Kedai-Kedai (b) Rumah-rumah (c) Gerai-Gerei Penjaja yang akan terlibat oleh Projek Angkasa Perdana?
2. Apakah rancangan Kerajaan untuk menempatkan semula mereka-mereka yang terlibat dalam Projek Angkasa Perdana agar kehidupan mereka tidak terganggu?
3. Berapakah notis-notis untuk keluar (notices to quit) diedarkan kepada penyewa-penyewa kedai dan gerai-gerai penjaja yang dengan sertamerta terlibat dalam Projek Angkasa Perdana sehingga hari ini? Adakah Kerajaan atau Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang mengadakan sebarang perbincangan bersama mereka-mereka yang terlibat berkenaan dengan cara-cara untuk menempatkan semula agar mereka dapat meneruskan perniagaan mereka?
4. Berkaitan dengan 4 buah kedai No: 25, 27, 29 dan 31, Jalan Gladstone yang telah diminta untuk memindah ke Bangunan Shaw pada 7hb. April, 1976 melalui surat Pejabat Tanah bertarikh 2hb. April, 1976, adakah Kerajaan atau Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang membuat apa-apa pertimbangan untuk membayar perbelanjaan-perbelanjaan bagi membolehkan mereka berpindah? Adakah terdapat kemudahan-kemudahan yang mencukupi untuk membolehkan mereka menjalankan perniagaan mereka di Bangunan Shaw?

5. Adakah benar bahawa kerja-kerja pembinaan bagi Peringkat 1-A Projek Angkasa Perdana telah dimulakan sebelum pelan-pelan bangunan dan tata-letak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa yang berkenaan untuk kelulusan? Jika benar, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menerangkan kepada Dewan ini di bawah apa peruntukan undang-undang Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dibenarkan untuk menjalankan kerja yang luar biasa ini?
6. Adakah menjadi tujuan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk mengemukakan pelan-pelan dan tataletak bangunan kepada Pihak Berkuasa yang wajar untuk kelulusan pada masa yang akan datang bagi projek Angkasa Perdana ini, termasuk bangunan-bangunan yang telah dibina dalam peringkat 1-A? Jika ada, adakah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sedia untuk membayar bayaran pelan tambahan sebagai denda mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil Bangunan pada masa sekarang?
7. Bilakah dijangka peringkat 1-A Angkasa Perdana akan siap? Bilakah bangunan-bangunan di bawah peringkat ini akan siap diduduki?
8. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menerangkan kepada Dewan ini, di bawah peringkat 1-A Angkasa Perdana, berapa kaki persegi ruang akan diuntukkan bagi tujuan-tujuan yang berikut:-
 - (a) Kedai-kedai atau Supermarket, Restoran atau Kedai Kopi, Bilik-Bilik Pamiran dan sebagainya
 - (b) Pejabat-Pejabat
 - (c) Rumah-Rumah Pangsa
 - (d) Gerai-Gerai Penjaja

dan berapakah harga setiap kaki persegi yang ditetapkan bagi tiap-tiap jenis yang tersebut di atas untuk:-

 - (a) Penyewaan ruang; dan
 - (b) Pembelian ruang?
9. Berapakah tingkat bangunan-bangunan yang akan dibina di bawah Peringkat 1-A? Adakah benar bahawa sebuah taman akan dibina di atas bumbung salah sebuah bangunan di bawah peringkat 1-A. Jika benar, bolehkah Ketua Menteri menerangkan apakah tujuan taman di atas bumbung ini?
10. Berapakah jumlah anggaran kos bagi peringkat 1-A, termasuk kos-kos tanah, bayaran wang gantirugi untuk mengosongkan bangunan-bangunan yang sedia ada, kerja-kerja meletakkan asas (piling), pembinaan, bayaran Konsortium Pembangunan, bayaran pelan dan lain-lain bayaran?
11. Berapakah tingkat-tingkat bangunan 'tower' dan di bawah peringkat apa bangunan 'tower' itu akan dibina? Bila menimbangkan pelan-

pelan untuk membina bangunan 'tower' ini, adakah Kerajaan menyediakan apa-apa peruntukan untuk membeli alat kelenyapan isyarat kebakaran untuk menemui sebarang kecemasan sekiranya kebakaran berlaku dari tingkat atas bangunan ini?

12. Adakah benar bahawa tanah di mana terletak Panggung Wayang Capitol tidak terlibat oleh Projek Angkasa Perdana? Berapakah bangunan-bangunan di sekitar penjuru-penjuru Jalan Maxwell dan Jalan Penang tidak terlibat dalam Projek ini?
13. Berapakah harga bagi tanah tiga segi di simpang Jalan Gladstone dengan Jalan Magazine yang berhadapan dengan bulatan Magazine yang mana Kerajaan telah membayar bagi tujuan melaksanakan projek Angkasa Perdana? Sila beri harga sekaki persegi.
14. Bagaimanakah penjaja-penjaja yang berniaga di atas tanah yang tersebut dalam soalan 13 akan ditempatkan semula? Adakah mana-mana tapak gantian yang disediakan untuk menempatkan semula penjaja-penjaja ini bila tanah itu dikehendaki?
15. Sekarang keputusan muktamad untuk melaksanakan penilaian semula Penaksiran-Penaksiran Rumah di Pulau Pinang telah dirujuk kepada Y.A.B. Ketua Menteri, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan samada beliau telah membuat keputusan yang muktamad ini. Jika ada, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan apakah keputusan muktamadnya dan alasan-alasannya untuk mencapai keputusan muktamad ini?
16. Sudahkah Y.A.B. Ketua Menteri menyiasat tentang aduan-aduan saya sebagai Ahli Kawasan Bagan Jermal berkenaan dengan perbuatan-perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan pemborosan kumpulan-kumpulan wang umum oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai melalui surat saya kepada Y.A.B. Ketua Menteri bertarikh 1hb. Mac, 1976? Jika tidak, mengapa? Jika ada, apakah hasil-hasil dari penyiasatan itu?
17. Memandangkan kepada pengumuman oleh Pengerusi, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai dan bahawa Lembaga tidak bertanggungjawab atas penyelenggaraan Jalan-jalan dan Parit-parit di Seberang Perai, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan siapakah pihak yang bertanggungjawab atas penyelenggaraan sedemikian, termasuk penyelenggaraan jalan-jalan dan parit-parit di kawasan-kawasan perumahan di Seberang Perai?
18. Memandangkan kepada Projek Empangan Perai, Y.A.B. Ketua Menteri telah memberitahu Dewan ini bahawa peruntukan kumpulan-kumpulan wang telah disediakan, tanah yang diperlu bagi projek ini telahpun diambil, pelan-pelan telah disiapkan, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini mengapa kerja membina Empangan Perai ini masih belum lagi dimulakan? Apakah sebab-sebabnya bagi kelambatan ini? Adakah projek ini dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua, jika ada, mengapa sehingga hari ini projek ini masih tidak dilaksanakan mengikut Rancangan Malaysia Yang Kedua?

19. Adakah benar bahawa Kerajaan bertujuan untuk membina lorong-lorong basikal di sepanjang kedua-dua belah Jalan Raja Uda di Butterworth untuk mengelak dari berlakunya kemalangan akibat kelalaian penunggang-penunggang basikal yang mengguna Jalan ini? Jika ada, bilakah kerja ini akan dimulakan?
20. Memandangkan kepada jawapan yang diberi dalam Dewan ini di Mesyuarat Dewan pada bulan Disember, 1974 oleh Y.A.B. Ketua Menteri yang mengatakan bahawa Jabatan Perancang dan Kawalan Pembangunan Negeri telah menjalankan suatu kajian mengenai perancangan pembangunan tanah-tanah di Seberang Perai pada keseluruhannya, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan samada Jabatan tersebut telah mencapai apa-apa hasil dari kajian pada hari ini. Jika ada, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri mengiktisarkan perakuan-perakuan Jabatan kepada Dewan ini?
21. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri memberi apa-apa pertimbangan kepada perakuan saya melalui surat saya baru-baru ini kepada beliau berkenaan dengan pemberian \$5,000 untuk memperbaiki jalan-jalan dan parit-parit di kampung-kampung Butterworth? Jika ada, apakah keputusan muktamad yang dibuat oleh Kerajaan?
22. Memandangkan kepada pengumuman di Butterworth oleh Y.B. Menteri Perumahan dan Kampung-Kampung Baru baru-baru ini bahawa Kementerianya akan menguntukkan Kumpulan-kumpulan wang bagi pembinaan rumah-rumah murah atau Rumah-rumah Pangsa sekiranya Kerajaan Negeri memberi tanah bagi tujuan ini, bolehkah Kerajaan Negeri mengkaji semula sekeping tanah di Bagan Ajam, yangmana pada asalnya dipersetujui oleh Kerajaan Negeri dalam bulan Oktober, 1966 bagi tujuan mengadakan satu rancangan perumahan. Bagi maksud ini, Kerajaan telah membelanjakan \$73,434.75, untuk perlaksanaan segera rancangan perumahan tersebut. Jika boleh, bolehkah Kerajaan Negeri mengambil langkah segera untuk berunding dengan Kementerian Persekutuan yang berkenaan agar kerja-kerja atas rancangan ini dapat dimulakan dalam tahun ini?
23. Berapakah jumlah ekar tanah yang telah dikhaskan di kawasan Bagan Serai bagi tujuan melaksanakan rancangan perumahan dan apakah sebab-sebabnya terdapat kelambatan dalam melaksanakan rancangan itu?
24. Bilakah Persatuan untuk Mencegah Penyalahgunaan Dadah (PEMADAM) dibentuk di dalam Negeri kita dan adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk membentuk Persatuan itu di peringkat daerah demi mencegah penyalahgunaan dadah di setiap kampung dan kawasan-kawasan luar bandar? Adakah Kerajaan akan menguntukkan apa-apa peruntukan wang bagi Persatuan-Persatuan dan adakah Kerajaan bertujuan untuk mengutip derma daripada orangramai bagi Persatuan-Persatuan tersebut?
25. Memandangkan kepada pengumuman oleh Y.B. Menteri Kewangan di Parlimen pada 6hb. April, 1976 bahawa Kerajaan Persekutuan

akan menambahkan pemberianwang pemberianwang kepada semua Negeri khasnya Negeri-Negeri yang tidak memperolehi pendapatan dari sumber-sumber galian dan sedang menjalankan pembangunan yang pesat, apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk meminta jumlah pemberianwang yang lebih banyak bagi Negeri kita?

(IV) Y.B. Encik Ng Swee Ching bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. Perjalanan Y.A.B. Ketua Menteri ke Luar Negeri atas alasan perubatan baru-baru ini

- (a) Bolehkah Ketua Menteri menyatakan berapa perjalanan sedemikian telah dibuat baru-baru ini.
- (b) Sila beri tarikh-tarikh berasingan bagi perjalanan-perjalanan tersebut dan tempoh masa bagi tiap-tiap perjalanan itu.
- (c) Manakah tempat-tempat yang telah dilawati oleh Ketua Menteri bagi tujuan-tujuan perubatan?
- (d) Sila beri nama doktor-doktor yang telah mengubati Ketua Menteri dan dari mana datangnya doktor-doktor itu.
- (e) Sila nyatakan juga jumlah perbelanjaan-perbelanjaan dan bayaran-bayaran perubatan akibat perjalanan-perjalanan sedemikian.

2 Kawasan Perumahan Val Dor.

Bolehkah Ketua Menteri memberi alasan bagi kelambatan dalam memproseskan permohonan-permohonan untuk lot-lot perumahan yang kosong di Val Dor.

3. Membiakkan Kerang di Juru (Bukit Mertajam)

- (a) Terlebih dahulu, bolehkah Ketua Menteri menyatakan samada kawasan yang tersebut di atas boleh dipajakkan?
- (b) Adakah benar bahawa sebuah pertubuhan kerjasama tertentu telah memohon untuk pajakan kawasan tersebut?
- (c) Jika benar, di bawah nama siapakah kawasan itu dipajakkan dan berapa lamakah lesen itu sah diperlakukan?
- (d) Bilakah permohonan yang tersebut di atas diakui oleh Kerajaan?
- (e) Berapakah jumlah ekar yang diuntukkan bagi pajakan?
- (f) Berapakah Kerajaan dapat bagi setiap ekar yang dipajakkan?

4 Bukit Tambun

- (a) Sila nyatakan jumlah ekar tanah yang dimiliki oleh Kerajaan untuk tujuan membiakkan kerang di sepanjang pantai-pantai Bukit Tambun.

- (b) Berapakah lesen-lesen yang telah dikeluarkan kepada penduduk-penduduk bagi tujuan tersebut?
- (c) Sila beri juga senarai nama-nama mereka yang memegang lesen-lesen sedemikian.
- (d) Sila nyatakan juga tempoh lesen itu sah diperlakukan.

(B) (Soalan-Soalan Bertulis):

(I) Y.B. Encik Oh Teck ~~Fun~~ bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. Berbangkit dari usaha mengujudkan bandaraya-bandaraya Adelaide dan Georgetown sebagai bandaraya kembar serta anjuran Minggu Pulau Pinang dan Minggu Adelaide, sudahkah Kerajaan dan Kerajaan Australia Selatan menceburkan dalam sebarang usaha bersama? Jika ada, sila beri butir-butir.
2. Adakah Ketua Menteri sedar bahawa Georgetown adalah sebuah bandaraya sahaja di dunia ini yang tidak mempunyai seorang Datuk Bandar? Adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk melantik seorang Datuk Bandar sebagai gantian Datuk Bandar yang dipilih?
3. Apakah anggaran-anggaran kos yang terbaru bagi Projek Pusat Bandaraya?
4. (a) Berapa ramaiakah pemohon-pemohon yang telah memohon untuk tapak-tapak di peringkat 1-A Projek Pusat Bandaraya, sila beri butir-butir mengenai tempahan-tempahan?
(b) Berapakah jumlah wang cengkeram yang telah dikutip?
5. Adakah semua pelan-pelan bangunan di dalam projek-projek Pusat Bandaraya dikemukakan kepada Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang dan pihak-pihak berkuasa lain yang berkenaan untuk kelulusan sebelum kerja-kerja dimulakan atas bangunan-bangunan?
6. Sila beri satu huraian angka-angka bagi kos tambahan projek-projek Pusat Bandaraya dari jumlah asalnya sebanyak \$200 juta berkaitan dengan butir-butir yang berikut:-
 - (a) Pengambilan tanah
 - (b) Bayaran wang ganti rugi kepada pemilik-pemilik rumah dan penghuni-penghuni yang terlibat oleh projek-projek.
 - (c) Kos buruh.
 - (d) Kos bahan-bahan.
 - (e) Bayaran profesyenal seperti bayaran Aktitek, bayaran Jurukur dan lain-lain bayaran.
7. Sudahkah perundingan di antara Kerajaan dan pemilik-pemilik rumah yang terlibat oleh Projek Pusat Bandaraya diselesaikan

berkenaan dengan bayaran gantirugi yang akan dibayar kepada mereka? Jika sudah, sila beri butir-butir bayaran gantirugi yang telah diberi bagi tiap-tiap yunit rumah.

8. Berapakah jumlah kos rumah-rumah (termasuk tanah) yang dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di Bayan Lepas dan Bagan Serai?
9. Berapa buah keretakah yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri sehingga 31.3.76?
10. Bagaimanakah kemajuan sejak Mesyuarat Dewan yang lalu mengenai kajian atas masalah hakisan tanah di pantai Utara dan Barat Laut?

(II) Y.B. Encik C.Y. Choy bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. Samada beliau sedar bahawa notis-notis telah dikeluarkan oleh pihak-pihak yang berkenaan kepada penghuni-penghuni yang terdiri daripada pemilik-pemilik dan penyewa-penyewa yang mana rumah-rumah mereka telah diambil oleh Kerajaan bagi Projek Pusat Bandaraya Pulau Pinang yang mendesak mereka supaya mengosongkan rumah-rumah mereka dalam masa 3 bulan mulai dari 23hb. Februari, 1976.
2. Samada beliau mempunyai apa-apa tujuan untuk bercampur tangan dalam kerumitan yang dihadapi oleh penghuni-penghuni agar dapat menunaikan janjinya bahawa gangguan-gangguan akan dikurangkan.
3. Setakat ini, apakah peruntukan-peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan untuk menempatkan bilangan penghuni-penghuni yang terlibat?

(III) Y.B. Encik Ong Yi How bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. Sila beri satu senarai lengkap yang menunjukkan kedai-kedai, rumah-rumah dan gerai-gerai penjaja yang 'terganggu' akibat pelaksanaan Projek Angkasa Perdana, termasuk maklumat-maklumat yang berikut:-
 - (a) Nama kedai-kedai, penyewa-penyewa rumah, dan penjaja-penjaja yang berniaga di tanah-tanah kosong.
 - (b) Nombor-Nombor rumah, Lot dan nama-nama jalan.
 - (c) Tempoh masa bila tiap-tiap mereka itu dikehendaki mengosongkan bangunan.
2. Sila beri satu senarai lengkap yang menunjukkan semua kedai-kedai rumah-rumah dan gerai-gerai penjaja yang telah diberi notis-notis keluar. Sila masukkan maklumat-maklumat yang berikut:-

(x)

- (a) Nama pemilik-pemilik tanah dan penghuni-penghuni atau penyewa-penyewa bangunan.
 - (b) Tarikh notis-notis dikeluarkan.
 - (c) Tempoh masa yang diberi untuk keluar.
3. Sila beri satu senarai lengkap menunjukkan bayaran-bayaran yang telah dibayar kepada pemilik-pemilik tanah dan rumah yang mana tanah-tanah dan rumah-rumah mereka dikehendaki bagi Projek Angkasa Perdana, sila masukkan maklumat-maklumat yang berikut:-
- (a) Nama pemilik-pemilik.
 - (b) Nombor-nombor rumah, nama-nama Jalan dan Nombor-Nombor lot tanah.
 - (c) Jumlah yang dibayar kepada tiap-tiap mereka itu.
 - (d) Keluasan tanah dalam kaki persegi.
 - (e) Samada tanah itu adalah tanah kosong atau tanah yang diduduki oleh bangunan.
 - (f) Sekiranya tanah itu adalah tanah kosong, berapa ramaikah penjaja-penjaja sedang berniaga di sana, jika sekiranya ada.
4. Sila beri satu senarai lengkap menunjukkan bayaran-bayaran yang dibayar kepada firma-firma atau syarikat-syarikat berikut bagi projek Angkasa Perdana mulai dari 12/9/75 hingga 30/3/76, sila nyatakan juga nama cek-cek itu dibayar:-
- (a) Konsortium Pembangunan
 - (b) Kontrektor-kontrektor Piling
 - (c) Kontrektor-kontrektor Bangunan
 - (d) Lain-lain Pihak yang terlibat dalam projek ini.
5. Sila beri satu senarai lengkap yang menunjukkan tempahan-tempahan tertentu bagi ruang di dalam Peringkat 1-A Angkasa Perdana yang telah diterima oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang setakat ini, sila masukkan maklumat-maklumat yang berikut:-
- (a) Nama-nama orang, firma atau Syarikat yang membuat tempahan-tempahan
 - (b) Bayaran tempahan, jika ada, yang telah diterima daripada tiap-tiap mereka,
 - (c) Jenis-jenis ruang yang telah ditempah, samada kedai, pejabat atau rumah pangsa.
6. Sila beri satu senarai yang menunjukkan bayaran-bayaran wang ihsan atau gantirugi yang telah dibuat atau akan dibuat kepada penghuni-penghuni atau penyewa-penyewa rumah atau tanah yang

akan dikosongkan bagi projek Angkasa Perdana, sila beri maklumat-maklumat yang berikut:-

- (a) Nombor Rumah-rumah dan nama Jalan-jalan.
- (b) Nama-nama penghuni atau penyewa bangunan-bangunan.
- (c) Jumlah yang dibayar atau akan dibayar.

7. Bilakah perlantikan Konsortium Pembangunan bagi Projek Angkasa Perdana diluluskan oleh pihak-pihak berkuasa yang berikut:-

- (a) Jawatankuasa Tanah Negeri kita
- (b) Majlis Bandaraya Georgetown atau Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang.
- (c) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.
- (d) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Sila nyatakan tarikh-tarikh tetap bagi kelulusan yang diberi daripada tiap-tiap pihak berkuasa yang tersebut di atas.

8. Sila beri satu senarai yang menunjukkan jumlah ekar Tanah-tanah Kerajaan Negeri yang telah diberi milik kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sehingga hari ini di tempat-tempat yang berikut:-

- (a) Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas
- (b) Zon Perdagangan Bebas Perai
- (c) Kawasan Perusahaan Perai
- (d) Kawasan Perusahaan Mak Mandin
- (e) Kawasan Bagan Serai
- (f) Kawasan-kawasan bagi Projek Angkasa Perdana

dan untuk apakah pertimbangan tanah-tanah itu diberi milik bagi tiap-tiap tempat yang tersebut di atas.

9. Sila beri satu senarai yang menunjukkan pinjaman-pinjaman Kerajaan Negeri, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Pihak Berkuasa Air yang belum dijelaskan kepada badan-badan berikut sehingga hari ini:-

- (a) Kerajaan Persekutuan
- (b) Bank Pembangunan Asia
- (c) Konsortium Bank-bank Perdagangan
- (d) Institusi-Institusi Kewangan yang lain.

10. Memandangkan kepada aduan-aduan oleh mereka-mereka yang menduduki rumah-rumah yang dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas bahawa:-

- (a) Bumbung bocor pada musim hujan
- (b) Dinding-dinding mulai retak
- (c) Parit-parit tersumbat
- (d) Nyamuk-nyamuk membiak dengan banyaknya
- (e) Lampu-lampu jalan tidak diuntukkan.

apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk menyiasat aduan-aduan dan memperbaiki keadaan ini?

11. Apakah pembangunan-pembangunan utama yang dirancang bagi Negeri Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Ketiga (1976 — 1980)? Berapakah projek-projek yang dirancang di bawah Rancangan Malaysia yang Kedua (1971 — 1975) bagi Negeri yang masih belum disiapkan lagi sehingga hari ini?
12. Berapakah daya pengeluaran yang terbaru bagi tiap-tiap bulan oleh Syarikat Cendawan, Malaysian Food Berhad? Sudahkah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang diberitahu tentang kesusahan-kesusahan yang dihadapi oleh Syarikat ini dalam mencapai pengeluaran yang paling maxima? Sudahkah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang menerima apa-apa lapuran Penyata kira-kira dari Syarikat tersebut?
13. Memandangkan kepada pengumuman oleh Y.A.B. Ketua Menteri bahawa Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang tidak akan meninggalkan projek Stadium tertutup di Pulau Pinang, sudahkah Kerajaan membuat penyiasatan mengapa projek ini masih tergendala. Jika sudah, apakah alasan-alasannya?
14. Adakah Kerajaan sedar bahawa Jambatan Lampong di Permatang Pauh, Butterworth sangat membahayakan keselamatan orangramai dan kenderaan-kenderaan yang menggunakannya, jika ada, apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan keselamatan pengguna-pengguna Jambatan ini? Apakah kesusahan yang melambatkan projek Empangan Perai yang dicadang akan menggantikan Jambatan ini?
15. Sila beri satu senarai yang menunjukkan semua tanah-tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah, Seksyen 4, dari Jalan Maxwell hingga ke Sg. Pinang, semasa akhir tahu 1975 atau awal tahun ini? Sila nyatakan tujuan mengapa tanah-tanah itu dibeku.
16. Sila beri satu senarai yang menunjukkan maklumat-maklumat yang berikut berkaitan dengan sembilan lot tanah yang telah diberi milik kepada U.D.A.:-
 - (a) Nombor Lot
 - (b) Keluasan dalam kaki persegi dalam tiap-tiap sembilan lot itu

- (c) Pertimbangan bayaran oleh U.D.A. bagi tiap-tiap sembilan lot.
- (d) Tujuan yang dicadangkan oleh U.D.A. bagi lot-lot ini.
17. Adakah 'Houseboat' atau Catamaran masih dipajakkan kepada IHC pada tahun ini atas sewa yang sama sebanyak \$1,400/- sebulan? Bagi tujuan apakah IHC mengguna Catamaran ini dalam tahun 1975 bila Catamaran ini dipajakkan kepada mereka? Adakah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang menimbangkan untuk menjual Catamaran ini, kepada sebuah Agensi Pelancungan di dalam Negeri kita agar Catamaran ini dapat diguna sebenarnya bagi tujuan asal iaitu untuk memperkembangkan pelancungan?
 18. Sila beri satu senarai yang menunjukkan tempat-tempat tepat bagi semua rancangan-rancangan perumahan di dalam Negeri kita yang telah atau akan disiapkan, tidak termasuk rancangan-rancangan perumahan yang dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dalam tahun 1974/1975. Sila nyatakan juga bilangan yunit-yunit dalam tiap-tiap rancangan ini? Di bawah Rancangan Malaysia yang kedua, berapakah yunit-yunit yang dirancang bagi rumah-rumah murah atau rumah pangsa dan berapakah di antaranya dalam Negeri kita yang telah disiapkan?
 19. Di bawah Rancangan Malaysia yang ketiga (1976-1980) berapakah yunit-yunit yang dirancang bagi rumah-rumah murah dan rumah-rumah pangsa di (a) Pulau Pinang (b) Seberang Perai Utara (c) Seberang Perai Tengah (d) Seberang Perai Selatan? Sudahkah Kerajaan Negeri mengerjakan sebarang butir-butir bersama-sama dengan Kementerian Persekutuan yang berkenaan berkaitan dengan butir-butir lanjut rancangan bagi perlaksanaan projek ini. Jika sudah, bolehkah Kerajaan memberi satu senarai yang menunjukkan butir-butir lanjut rancangan-rancangan tersebut?
 20. Adakah masih menjadi tujuan Kerajaan untuk membina Kawasan Bagan Serai sebagai sebuah Bandar Satellite, yang mengandungi kilang-kilang, kedai-kedai, Pejabat-Pejabat Kerajaan, Hospital Besar, Panggung Wayang-Panggung wayang, Sekolah-sekolah, Pasar-pasar dan sebagainya. Jika ada, apakah rancangan Kerajaan untuk melaksanakan projek tersebut? Adakah Kerajaan akan membentuk satu Perbadanan untuk memajukan Bandar tersebut?
 21. Berapakah jumlah ekar Tanah yang telah dikhaskan bagi perlaksanaan rancangan-rancangan perumahan di Kawasan Bagan Serai?
 22. Adakah Kerajaan menerima satu permohonan daripada Pendaftar dan Pemeriksa Kereta Motor Pulau Pinang untuk sekeping Tanah Kerajaan di Butterworth atau Seberang Perai bagi tujuan menjalankan ujian memandu kereta dan pemeriksaan kenderaan-kenderaan di Seberang Perai. Jika ada, apakah keputusan Kerajaan atas perkara ini?

23. Dalam Mesyuarat Dewan pada bulan Disember, 1974, Kerajaan telah membuat satu pengumuman bahawa Yunit atau Jabatan Perancang dan Kawalan Pembangunan Negeri akan menjalankan satu kajian teliti atas Perancangan Am Pembangunan Seberang Perai. Bolehkah Kerajaan memberitahu Dewan samada terdapat apa-apa hasil dari kajian tersebut. Jika ada, apakah keputusan?
24. Adakah Kerajaan Negeri akan mencuba untuk berunding dengan Kerajaan Persekutuan mengenai perlaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas bagi Negeri kita, jika ada apakah hasil dari perundingan itu?
25. Adakah projek Jalan Bukit Bendera akan dilaksanakan atau ditinggalkan? Adakah projek itu dimasukkan dalam Rancangan *Malaysia Yang Ketiga*?
26. Berapakah jumlah Belanjawan Pembangunan bagi tahun 1975 yang telah digunakan dan berapakah telah diberi kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sebagai pinjaman atau pemberian?
27. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa rancangan untuk mengeluarkan 'bond-bond' atau 'debenture-debenture' untuk mengutip kumpulanwang daripada orangramai bagi pembangunan Negeri kita sepertimana yang telah dinyatakan oleh T.Y.T. Gabnor di Mesyuarat Pertama Dewan ini pada tahun yang lalu; jika ada, bagaimanakah Kemajuan rancangan ini?
28. Berapakah telah dibelanjakan oleh Kerajaan dari tahun 1974 hingga tahun 1975 dalam projek-projek Pembangunan Masyarakat di Seberang Perai Utara? Sila beri satu senarai yang menunjukkan semua Projek-projek Kecil (Pembangunan Masyarakat) yang telah dijalankan dalam masa dua tahun yang lalu?
29. Berapakah Paip-Paip umum dan Lampu-Lampu Jalan tambahan telah diuntukkan oleh Kerajaan Negeri dalam tahun 1974 dan tahun 1975 bagi Seberang Perai Utara? Berapakah jumlah perbelanjaan bagi kedua-dua butir ini dalam masa dua tahun yang lalu?
30. Berapakah jumlah yang telah dibelanjakan bagi memperbaiki jalan-jalan di Seberang Perai Utara dalam tahun 1974 dan 1975? Sila beri satu senarai yang menunjukkan butir-butir perbelanjaan ini?
31. Memandangkan kepada perkembangan perdagangan yang pesat di Jalan Kampong Benggali, Butterworth yang menyebabkan jalan itu terlalu sempit bagi orangramai, adakah Kerajaan bertujuan untuk melebarkan jalan tersebut?
32. Sudahkah Jabatan Perancang dan Kawalan Pembangunan Negeri mencapai kajian muktamad mengenai perancangan dan perbaikan jalan-jalan dan parit-parit pada keselamatannya di Butterworth, khasnya di tempat-tempat seperti Kampong Simpah, Raja Uda, Telaga Ayer, Sungei Puyu dan Bagan Ajam? Jika jawapannya ya, bolehkah Kerajaan memberitahu Dewan ini apakah rancangan

Kerajaan untuk memperbaiki parit-parit dan jalan-jalan yang tersebut di atas?

33. Adakah Kerajaan sedar bahawa Jalan Raja Uda, Butterworth sebagai salah sebatang jalan yang penuh sesak di Butterworth, tidak ada parit-parit di kedua-dua belah jalan, akibatnya kawasan itu selalu dilanda banjir pada musim hujan? Jika jawapannya ya, adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk membina parit-parit di sepanjang kedua-dua belah jalan pada masa-masa yang akan datang?

(IV) Y.B. Encik Ng Swee Ching bertanya kepada Ketua Menteri:-

1 Jambatan Lampong Permatang Pauh:

- (a) Adakah menjadi tujuan Kerajaan untuk membina semula Jambatan Lampong?
- (b) Jika ada, sila tetapkan jenis jambatan yang dimaksudkan.
- (c) Sebenarnya, bilakah projek ini akan dimulakan?
- (d) Sejak bila pelan bagi projek khusus ini dibentangkan?
- (e) Berapakah anggaran kos untuk melaksanakan projek ini?
- (f) Bolehkah diberitahu secara tepat siapa yang mula-mula mencadangkan atau membentangkan pelan bagi pembinaan jambatan baru?
- (g) Berapa lamakah untuk menyelesaikan seluruh pembinaan itu?
- (h) Apakah yang akan dilakukan terhadap jambatan lama yang sedia ada?
- (i) Jika ada tujuan untuk merobohkan jambatan yang lama itu, bilakah kerja ini akan dijalankan?

2. Rancangan Bekalan Air Sungei Muda:

- (a) Bilakah rancangan ini mula berjalan?
- (b) Sila nyatakan dengan tepat di atas daya usaha siapakah rancangan ini dilaksanakan.
- (c) Berapakah jumlah kos bagi keseluruhan rancangan?
- (d) Berapa lamakah tempoh yang diambil untuk menyiapkan rancangan itu?
- (e) Sila nyatakan juga tarikh rancangan itu mula-mula dapat diguna oleh penduduk-penduduk.
- (f) Berapakah jumlah air yang boleh dikeluarkan pada tiap-tiap hari oleh rancangan ini?
- (g) Sila nyatakan juga semua kawasan-kawasan yang sedang memperolehi faedah-faedah dari rancangan ini pada masa sekarang.

3. **Jalan Relau/Balik Pulau:**

- (a) Adakah menjadi tujuan Kerajaan untuk membina sebatang jalan baru dari Relau ke Balik Pulau?
- (b) Adakah apa-apa anggaran kos yang perlu bagi projek ini?
- (c) Bilakah anggaran tersebut di atas disediakan?
- (d) Sebenarnya, siapakah yang mula-mula bercadang untuk membina jalan yang baru ini dan pada tahun bila.
- (e) Sila nyatakan panjangnya jalan baru yang telah disiapkan.
- (f) Bilakah projek ini akan dimulakan?
- (g) Sila nyatakan juga samada jalan baru akan dibina oleh Kerajaan Negeri atau ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor swasta?
- (h) Sudahkah tanah yang dikehendaki untuk cadangan jalan yang baru itu dibeli oleh Kerajaan?
- (i) Sila nyatakan tuanpunya asal bagi tanah yang tersebut di atas.
- (j) Berapakah jumlah ekar tanah yang akan dibeli untuk membina jalan baru ini?
- (k) Berapa lamakah masa yang diperlukan untuk menyiapkan jalan baru ini?
- (l) Apakah cadangan nama bagi jalan yang baru ini?

(V) Y.B. Encik Lim Heng Tee bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. Bolehkah Ketua Menteri mengarahkan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan supaya menguruskan dengan secara sebilangan cadangan-cadangan perbaikan yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Penasihat Lalu Lintas Bukit Mertajam kepada Pihak Berkuasa Negeri?
2. Bolehkah Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan samada lampu-lampu lalu lintas di simpang (i) Jalan Besar dan Jalan Station dengan (ii) Jalan Arumugam Pillai dan Jalan Muthupalaniappa telah diluluskan? Jika sudah, bilakah kedua-dua projek ini akan dilaksanakan?
3. Di dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri pada 3hb. September, 1975, Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan bahawa satu pelan telah disediakan untuk mengatasi masalah pengaliran di Kg. Baru, B. Mertajam berhampiran dengan kawasan perumahan Kerajaan dan Kampong-kampong Baru. Bolehkah Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bagaimanakah kemajuan dan kedudukan yang baru bagi rancangan ini?

4. Adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk memperbaiki sistem pengaliran di Kampong Permatang Tinggi yang selalu dilanda oleh banjir? Jika tidak, bolehkah Ketua Menteri mengarahkan Jabatan-Jabatan dan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan supaya menyasat perkara ini untuk memperbaiki keadaan tersebut?

(VI) Y.B. Encik Md. Noor bin Ahmad bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. Samada beliau sedar bahawa rakyat di kawasan-kawasan luar bandar sangat gelisah sekarang tentang cukai-cukai rumah yang dikenakan oleh L.P.K.T., S.P./L.P.K.T., P.P. adalah terlalu tinggi.

Jika sedar apakah usaha-usaha Kerajaan bagi menolong dan membantu rakyat di kawasan-kawasan tersebut, atas masaalah ini?

2. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menyusun semula dan menambah lagi ahli-ahli L.P.K.T. mengikut keadaan sekarang?
3. Samada beliau sedar bahawa lawatan yang telah dibuat oleh Y.A.B. Pemangku Ketua Menteri Pulau Pinang ke kawasan Kampong Selamat pada masa Y.A.B. Ketua Menteri bercuti tempoh hari itu sebagai lawatan beliau menjadi Pemangku Ketua Menteri ataupun lawatan beliau itu sebagai seorang pegawai Parti Gerakan Rakyat Malaysia.

4. Bolehkah beliau menubuhkan 2 lagi jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampong di kawasan Kampong Tok Bidor, Tasek Gelugor serta juga di kawasan Kampong Pajak Song, Kepala Batas?

5. Samada beliau sedar semua projek-projek ugama sekarang ini Kerajaan Negeri hanya menumpukan bantuan kewangan dari Kerajaan Pusat sahaja terutama sekali di daerah-daerah di Negeri ini.

Jika sedar apakah langkah-langkah yang akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri terhadap projek-projek tersebut bagi dilaksanakan:-

- (a) Projek Sekolah Ugama Pokok Tampang, Tasek Gelugor.
 - (b) Projek Mesjid di Kampong Tok Bidor, Tasek Gelugor.
 - (c) Projk Mesjid di Kampong Lahar Tembun, Tasek Gelugor.
 - (d) Projek Tok Kong China di Kampong Pinang Tunggal.
 - (e) Bantuan sebanyak \$10,000.00 kepada Tok Kong China di Kampong Selamat, Tasek Gelugor.
6. Samada beliau sedar yang projek jalanraya dari jalan besar Tasek Gelugor ke Kampong Tok Bidor itu sekarang ini telah dihentikan untuk menyiapkannya.

Jika sedar kenapakah ianya terjadi begitu?
 7. Bilakah Projek Dewan Orangramai di Tasek Gelugor akan mula dibangunkan?

8. Bilakah projek Jalanraya akan mula dilaksanakan di kawasan Pinang Tunggal ke Kampong Ekor Kucing, dan berapakah jumlah perbelanjaannya?
9. Bilakah Bekalan Letrik akan dimasukkan ke kampung-kampung tersebut di bawah ini dan berapakah belanjanya bagi tiap-tiap projek tersebut:-

1. Kampong Tok Bidor
2. Kampong Kubang Menerong
3. Pokok Jenerih
4. Kampong Air Melintas Kecil
5. Kampong Tasek Kacang Puri
6. Kampong Permatang Langsat
7. Kampong Ekor Kucing dan kampung-kampung yang lain di kawasan Tasek Gelugor.

6. Rang Undang-Undang.

- (1) Rang Undang-Undang Logam Bijih (Memperluaskan Penggunaan ke Negeri Pulau Pinang) (Pindaan), 1976.
- (2) Rang Undang-Undang Pengesahan Kadar, 1976.

7. Usul-Usul.

- (A) Y.B. Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh @ Mat Noor mencadangkan:-

“Bahawa kami, Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang, mohon mengucapkan terimakasih kepada Tuan Yang Terutama Gabnor kerana telah sudi melafazkan Ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Pertama bagi Penggal Yang Ketiga pada 3hb. Mei, 1976.”

- (B) Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-Ahli yang berikut dilantik semula sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Dewan bagi Penggal Yang Ketiga, Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang, Yang Keempat:-

- (1) Y.B. Datuk Speaker (Pengerusi)
- (2) Y.B. Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar, P.P.N., J.P.
- (3) Y.B. Encik Khoo Teng Chye
- (4) Y.B. Encik Lim Heng Tee

(5) Y.B. Encik Abdullah bin Mohamed @ Mahmud, P.P.N.

(6) Y.B. Encik Yahaya bin Haji Mohamad Yusoff, P.J.K.

(7) Y.B. Encik Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.

dan bahawa Pengerusi serta tiga orang Ahli-Ahli yang lain akan membentuk satu koram. Jawatankuasa tidak akan berkuasa mendapatkan orang-orang, dokumen-dokumen ataupun risalah-risalah kecuali jika Dewan memutuskan sebaliknya.”

(C) Y.B. Encik Lim Heng Tee mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-Ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat bagi Penggal Yang Ketiga, Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang, Yang Keempat:-

(1) Y.B. Datuk Speaker (Pengerusi)

(2) Y.B. Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman, A.M.N., P.J.K.

(3) Y.B. Encik S.P. Chelliah, J.P.

(4) Y.B. Encik Khor Gark Kim

(5) Y.B. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali, P.J.K.

(6) Y.B. Encik Oh Teck Aun

(7) Y.B. Encik C.Y. Choy

dan bahawa Pengerusi serta tiga orang Ahli-Ahli yang lain akan membentuk satu koram. Jawatankuasa tidak akan berkuasa mendapatkan orang-orang, dokumen-dokumen ataupun risalah-risalah kecuali jika Dewan memutuskan sebaliknya.”

(D) Y.B. Encik Ahmad bin Salleh mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Ahli-Ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Awam bagi Penggal Yang Ketiga, Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang, Yang Keempat untuk mengkaji kira-kira dan lapuran-lapuran seperti yang ditetapkan dalam Peraturan Mesyuarat 109A(1) dan untuk membuat segala lapuran-lapuran mengenainya kepada Majlis sepertimana yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa:-

(1) Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak, P.P.N.
(Pengerusi)

(2) Y.B. Encik Lim Heng Tee

(3) Y.B. Encik T. Subbiah, P.J.K.

(4) Y.B. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali, P.J.K.

(5) Y.B. Encik Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.

(6) Y.B. Encik C.Y. Choy

dan Pengerusi serta dua orang Ahli akan membentuk satu koram.”

(E) Y.B. Encik Samsuddin @ Md. Noor bin Ahmad mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-Ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi Penggal Yang Ketiga, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Yang Keempat:-

- (1) Y.B. Datuk Speaker (Pengerusi)
- (2) Y.B. Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar,
P.P.N., J.P.
- (3) Y.B. Encik T. Subbiah, P.J.K.
- (4) Y.B. Encik Wong Choong Woh, J.P.
- (5) Y.B. Dr. Choong Sim Poey
- (6) Y.B. Encik Ahmad bin Salleh, A.M.N.
- (7) Y.B. Encik Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.

dan bahawa Pengerusi serta tiga orang Ahli-Ahli yang lain akan membentuk satu koram. Jawatankuasa akan berkuasa mendapatkan orang-orang, dokumen-dokumen dan risalah-risalah dan melapurkan kepada Dewan dari semasa ke semasa.”

(F) Y.A.B. Ketua Menteri mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak lima juta lima ratus sembilan belas ribu sahaja (\$5,519,000/-) yang tertunjuk dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Yang Kedua, 1975, yang dibentangkan sebagai Kertas Dewan Undangan Negeri Bil. 8 tahun 1976 dan membuat ketetapan bahawa jumlah wang tersebut hendaklah dipergunakan untuk tujuan-tujuan sepertimana yang ditetapkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan, 1975, tersebut.”

REF: DUN/PP/290.

FIRST MEETING OF THE THIRD SESSION OF THE FOURTH
LEGISLATIVE ASSEMBLY, PENANG, HELD ON MONDAY
3RD MAY, 1976, AT 9.30 A.M. IN THE LEGISLATIVE
ASSEMBLY CHAMBER, LIGHT STREET, PENANG.

ORDERS OF THE DAY

1. Prayer.
2. Observance of Two-minutes' Silence as a Mark of Respect for the late Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein, former Prime Minister of Malaysia.
3. Address by His Excellency the Governor.
4. Presentation of Papers.

No. 1 of 1976 — Report of the Penang State Minor Scholarship Board for the year ending 31.12.1974.

No. 2 of 1976 — Report of the Penang State Scholarship Board for the year ending 31.12.1974.

No. 3 of 1976 — Annual Report of Public Services Commission for the year 1971.

No. 4 of 1976 — Annual Report of Public Services Commission for the year 1972.

No. 5 of 1976 — Annual Report of the Penang Muzeum Board for the year 1974.

No. 6 of 1976 — The Financial Statements of the State of Penang for the year 1973.

No. 7 of 1976 — Report of the Auditor-General, Malaysia on the accounts of the State of Penang for the year ended 31st December, 1973.

No. 8 of 1976 — Second Supplementary Development Estimates, 1975.

5. Questions.

(A) (Oral):

(I) Hon'ble Encik Wong Choong Woh to ask the Chief Minister:-

1. The people in East and West Jelutong are greatly in need of a Balai Rakyat. Can the Chief Minister inform the House whether or not, the Government will consider their request? If not, why not?
- 2.(a) How is the low cost housing scheme now in Kg. Nyak Putih? Has the government paid adequate attention to this project? Is it under-way?

- (b) If it is indeed underway — at what stage is it now?
 - (c) What form will the low-cost houses take? Will it be something like those in Kg. Selut?
 - (d) Does the government intend to buy up the land for this scheme as soon as possible?
3. Will the Chief Minister tell the house what has been done since the Legislative Meeting on 23rd October, 1974 regarding the problems of unauthorised houses and the dilapidated conditions of many roads both in the city as well as in the rural areas of Penang? Have the relevant authorities been directed to take action?

(II) Hon'ble Encik Oh Teck Aun to ask the Chief Minister:-

1. What is the cost for the visit of the Australian team to Adelaide Week in Penang in December 1975? Who are to bear the costs, giving a breakdown?
2. Is it the intention of the Government to make the Adelaide Week and Penang Week an annual affair?
3. In view of the ever-rising costs for the Urban Centre Project has the Government any plan to scrap some of the Projects?
4. When will phase 1A of the Urban Centre Project be completed?
5. Since the last sitting of the house, has the Government drawn up any plan for the construction of low-cost houses in Penang Island and Province Wellesley? If so, give particulars.
6. Has the Government any plan to sell all the low-cost flats to the tenants in Penang?
7. Has the construction of the houses built by the P.D.C. in Bayan Lepas and Bagan Serai been completed?
8. Are the title deeds relating to the houses built by the P.D.C. in Bayan Lepas and Bagan Serai of a freehold or lease-hold nature?
9. Will the Chief Minister direct the Chairman of both L.P.K.T. in Penang Island and Province Wellesley to open their meetings to the Press and the Public in accordance with the Municipal Ordinance?
10. Is the Chief Minister aware that the Assessment list for 1976 for Penang Island has not been authenticated?
11. Has the Government finalised discussions with Indonesia on possible joint venture in the setting up of floating restaurants in Penang and Lake Toba?
12. Has the Government drawn up the estimates for the construction of 2 open-span bridges in place of the existing culvert bridges at Sungei Ara and Sungei Rawa in Jalan Muthupalaniappa, Bukit Mertajam?
13. What is the progress made with regards to the issue of Title Deeds to the low-cost houses in Taman Sentosa in Bukit Mertajam?

(III) Hon'ble Encik Ong Yi How to ask the Chief Minister:-

